

DBKL roboh empat premis haram

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan empat premis membabitkan tempat cuci kereta dan gerai haram yang dibina tanpa kebenaran di kawasan Bandar Tun Razak.

DBKL dalam kenyataan semalam berkata, pihaknya menerusi Jabatan Penguatkuasaan, Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak serta Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan

Elektrikal menjalankan tindakan roboh struktur cuci kereta dan gerai haram di sekitar Jalan 2/154 Taman Bukit Anggerik dan Jalan 40/154 Taman Dahlia.

Menurutnya, melalui tindakan khas dijalankan, DBKL melaksanakan empat tindakan roboh struktur

yang dibina tanpa kebenaran DBKL menerusi peruntukan Seksyen 46 Akta Jalan Parit Bangunan 1974 - menimbulkan halangan di tempat/laluan awam.

“Struktur perniagaan yang dibina tanpa kelulusan dikenal pasti sebagai punca gangguan lalu lintas, pencemaran, dan masalah

berkaitan keselamatan,” katanya.

Katanya, tindakan ini selaras dengan komitmen DBKL dalam memastikan bandar Kuala Lumpur kekal teratur, selesa, dan selamat untuk semua.

“Siasatan dan pementauan berterusan akan dijalankan menerusi siri-siri tindakan khas di 11 parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,” katanya.

**Tindakan
membabitkan
tempat cuci kereta
dan gerai haram**